

# *Penternakan lobster air tawar berdaya maju*

Sinar Harian

NOR HASRAM MOHAMAD

27/2/2018

PASIR PUTEH

m/s 38

**P**embenihan dan penternakan udang kara atau lobster air tawar merupakan bidang baharu yang perlu diterokai golongan muda kerana permintaan terhadap makanan laut itu agak tinggi.

Semerak Jaya Agrotech yang berpusat di Kampung

Cherang Ruku dekat sini, sentiasa bersedia membimbing anak muda atau sesiapa sahaja yang berminat.

Pengurusnya, Mohd Afandi Mahamad berkata, lobster air tawar atau redclaw crayfish merupakan baka dari Australia dan Papua New Guinea diluluskan Jabatan Perikanan untuk penternakan.

Menurutnya, lobster jenis itu yang dijadikan sebagai hidangan eksotik dan mewah bernilai tinggi sehingga mencecah RM120 sekilogram untuk yang hidup dan RM60 bagi yang dibekukan.

"Kami berharap golongan muda merebut peluang mengikuti latihan yang kita tawarkan," katanya.

yang berusia 16 tahun ke

Katanya, sesi latihan 2018 akan bermula 1 Mac nanti. Tambahnya, menternak dan mengusahakan pembenihan lobster tidak terlalu sukar tetapi ia menuntut kesabaran. Menurutnya, biasanya 100 lobster boleh ditenak dalam setiap tangki, ia membesar sehingga tiga inci dalam tempoh empat bulan dan menghasilkan antara 200 hingga 250 telur.

"Ia jadi induk dengan membesar sehingga 14 inci yang menghasilkan sehingga 1,000 telur dengan tempoh tuaian dua kali sebulan," katanya.

Katanya, sarang atau tempat persembunyian lobster diperbuat daripada paip plastik dan dietnya hanya ikan atau sayuran.